

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah perceraian melalui perkahwinan bawah umur dan peratus mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya bertanggungjawab mendaftarkan perkahwinan dan perceraian bagi pasangan beragama bukan Islam selaras dengan peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. JPN mengemaskini suatu rekod perkahwinan melalui sesuatu dikri perceraian atau pembatalan perkahwinan bagi pasangan beragama bukan Islam yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah Tinggi. Manakala, pendaftaran perkahwinan dan perceraian bagi pasangan beragama Islam pula adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri.

Berdasarkan rekod JPN bagi tempoh dari tahun 2016 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 18 perceraian yang melibatkan pasangan bawah umur beragama bukan Islam.

NO.SOALAN : 49

Perincian jumlah perceraian berkenaan mengikut negeri adalah seperti mana berikut :

NEGERI	JUMLAH PERCERAIAN	PERATUS (%)
Johor	6	33.3
Kedah	0	0
Kelantan	0	0
Melaka	0	0
Negeri Sembilan	0	0
Pahang	2	11
Perak	1	5.6
Perlis	0	0
Pulau Pinang	0	0
Sabah	0	0
Sarawak	5	27.8
Selangor	1	5.6
Terengganu	0	0
WP Kuala Lumpur	3	16.7
WP Putrajaya	0	0
<u>JUMLAH</u>	<u>18</u>	<u>100</u>